



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

FORUM MENGORAK KUASA KESAKSAMAAN GENDER: MEMPERKASA SUARA WANITA DAN KANAK-KANAK PEREMPUAN BAGI MEMBUKA PELUANG DUNIA TANPA BATAS

KUALA LUMPUR, 15 OGOS – Hari Penduduk Sedunia disambut pada 11 Julai setiap tahun bertujuan untuk membangkitkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu kependudukan dunia. Tema Hari Penduduk Sedunia bagi tahun 2023 adalah **“Mengorak Kuasa Kesaksamaan Gender: Memperkasa Suara Wanita Dan Kanak-Kanak Perempuan Bagi Membuka Peluang Dunia Tanpa Batas”**. Tema yang dipilih oleh *United Nations Population Fund* (UNFPA) adalah berdasarkan kepada isu global mengenai ketidakaksamaan gender dan diskriminasi yang berlaku di hampir setiap negara walaupun bilangan wanita dan kanak-kanak perempuan membentuk hampir separuh iaitu 49.7 peratus daripada populasi dunia.

Di serata dunia, isu berat sebelah, stereotaip, serta sikap prejudis merupakan contoh ketidakaksamaan gender yang masih dihadapi sebilangan besar wanita dan kanak-kanak perempuan. Laporan Jurang Gender Global 2022 (*Global Gender Gap Report 2022*) telah meletakkan Malaysia di tangga ke-103 daripada 146 negara bagi aspek merapatkan kesaksamaan gender. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita dan penglibatan wanita dalam kelompok pembuat keputusan yang rendah telah mempengaruhi kedudukan Malaysia dalam laporan tersebut. Hal ini menuntut kesedaran di setiap peringkat institusi agar hak, peluang dan perlindungan diberikan kepada setiap individu tanpa mengira jantina atau peringkat umur.

Sehubungan dengan itu, berteraskan kepada tema Hari Penduduk Sedunia 2023, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) telah menganjurkan forum yang bertujuan untuk berdiskusi dan mencari solusi terbaik mengenai pemerkasaan wanita dan kanak-kanak perempuan dalam semua aspek sama ada dalam pendidikan, ekonomi dan juga kesihatan. Penganjuran forum yang melibatkan seramai 250 peserta ini membuktikan komitmen dan kesungguhan serta kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mengintegrasikan isu kependudukan dalam pembangunan negara.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan secara maya forum ini yang membariskan YBhg. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan YM Tengku Aira Tengku Razif, UNFPA Malaysia sebagai panel. Turut hadir dalam majlis ini adalah YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN dan YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abdul Shukor, Naib Canselor, Universiti Malaya.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 OGOS 2023**